




PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : http://www.moe.gov.my/

Ruj. Kami: KPM.100-1/3/2 (3)
Tarikh: 3 Mei 2019

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri



YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 6
TAHUN 2019**

**PELAKSANAAN MODUL TEKNOLOGI MAKLUMAT DALAM KURIKULUM
KEBANGSAAN OLEH PIHAK LUAR DALAM JADUAL WAKTU RASMI
PERSEKOLAHAN DI SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Surat siaran ini dikeluarkan bertujuan memaklumkan berkenaan Pelaksanaan Modul Teknologi Maklumat Dalam Kurikulum Kebangsaan Oleh Pihak Luar Dalam Jadual Waktu Rasmi Persekolahan di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

2. Kurikulum Kebangsaan memperuntukkan pelaksanaan modul Teknologi Maklumat dan Komunikasi secara merentas semua mata pelajaran seperti ditetapkan dalam spesifikasi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan 2017) bermula dengan murid Tahun 1. Arahan pelaksanaan ini dikuat kuasakan melalui Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2017 Pelaksanaan Modul Teknologi Maklumat dan Komunikasi di bawah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) mulai tahun 2017 bertarikh 6 Januari 2017.

3. KPM juga mengambil maklum akan kekangan pihak sekolah melaksanakan modul tersebut disebabkan isu bilangan komputer (*hardware*) yang tidak mencukupi bagi membolehkan modul TMK dilaksanakan secara berkesan di bilik darjah. Selaras dengan inisiatif Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) serta pelaksanaan Sekolah Milik Masyarakat, terdapat peruntukan untuk pihak sekolah mengupayakan pelibatan dan kerjasama komuniti dan sektor swasta ke arah membangunkan aspek fizikal dan modal insan sekolah tersebut.

4. Sehubungan itu, pihak sekolah boleh melibatkan kerjasama pihak yang berkepakaran dalam suatu bidang tertentu untuk meningkatkan kualiti sekolah terutama dalam aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi manfaat murid. Dalam konteks ini, wujud kewajaran sekiranya pihak sekolah ingin melaksanakan modul TMK selaras dengan keperluan KSSR melalui kerjasama dengan pihak luar yang berkepakaran dalam bidang tersebut ke arah meningkatkan kualiti PdP murid selain menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa.

5. Sukacita diingatkan bahawa sebarang bentuk pelibatan pihak luar dalam kerjasama pembangunan kapasiti sekolah hendaklah akur kepada semua aspek perundangan yang sedang berkuatkuasa. Kewajaran dan kebenaran kerjasama pihak luar dalam Pelaksanaan Modul Teknologi Maklumat dalam Kurikulum Kebangsaan oleh pihak luar dalam jadual waktu rasmi persekolahan di sekolah KPM hendaklah akur kepada surat pekeling seperti berikut:

- i. SPI Bilangan 1/2018 : Garis Panduan Pelibatan Ibu Bapa / Penajaga dan Komuniti Sebagai Sukarelawan Di Dalam Kelas bertarikh 6 Mac 2018;
 - ii. SPI Bilangan 2/2018 : Garis Panduan Dasar Murid Membawa Peranti Peribadi Ke Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 29 Mac 2018; dan
 - iii. SPI Bilangan 3/2018: Garis Panduan Sekolah Milik Masyarakat bertarikh 29 Mac 2018.
6. Surat siaran ini berkuatkuasa pada tarikh surat siaran ini dikeluarkan.

7. YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan guru besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



HASSAN NUDIN BIN A.HAMID

b.p Timbalan Ketua Pendaftar
Merangkap Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Ketua-Ketua Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Penasihat undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia